Altaïr ibn-La'Ahad II

100 sebab kenapa UMNO wajib ditolak



Prakata

Buku ini terbit dalam usaha memberikan maklumat kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya di Kelantan betapa perlunya untuk menolak UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum yang akan datang.

Hakikatnya bukan hanya 100 sahaja sebab untuk menolak UMNO dan Barisan Nasional, bahkan ribuan lagi sebab dan alasan boleh disenaraikan. Namun, sebagai maklumat awal dan membantu asas pertimbangan apabila melakukan pilihan kelak, saya mengira 100 sebab ini sudah lebih dari cukup untuk teraju Putrajaya ditukar kepada pemerintahan yang lebih adil, cekap dan efisien.

Percayalah, negara tidak akan hancur hanya kerana kekalahan UMNO. Tetapi negara boleh bangkrap kalau UMNO terus diberikan mandat. Selamat membaca.

AHMAD FADHLI BIN SHAARI,
Ketua Penerangan,
Dewan Pemuda PAS Negeri Kelantan (DPPNK)
emel : ahmadfadhli80@gmail.com

Bertarikh : 03 April 2012

JENAYAH UMNO TERHADAP ISLAM

1 UMNO Tolak Hudud

Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri menyatakan pada 24 September 2011 bahawa Hudud sama sekali tidak akan dilaksana di Malaysia selepas sehari sebelumnya Presiden MCA mengeluarkan amaran bahawa MCA akan keluar Barisan Nasional sekiranya UMNO menyokong hudud.

2 Akhbar UMNO Hina Syariat Islam

UMNO benarkan lidah rasminya, Utusan Malaysia menghina syariat Islam dan hukum hudud melalui lakaran karikaturnya. Antaranya ialah pada 15 Jun 2011 dan 26 September 2011. Sehingga ke hari ini, Utusan Malaysia masih gagal untuk memohon maaf.

3 UMNO Hapuskan Tulisan Jawi

UMNO lah yang telah menghapuskan tulisan jawi di sekolah-sekolah pada tahun 1965 dan kesannya melahirkan generasi yang buta al-Quran pada hari ini.

4 Pemimpin UMNO Hina Hudud

Pemimpin UMNO tidak pernah serik-serik menghina hudud. Pelbagai kenyataan dikeluarkan menunjukkan kejahilan mereka terhadap undang-undang yang diturunkan oleh Allah SWT ini. Terbaru ialah kenyataan bekas Presiden UMNO, Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa *'Hudud tidak ada di dalam al-Quran'* sewaktu berucap di Konvensyen Kebangsaan Politik dan Patriotisme di Universiti Malaysia Sarawak [UNIMAS] pada 26 Feb 2012.

5 Nisbah Umat Islam Semakin Kurang

Nisbah umat Islam di Malaysia apabila mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 menghampiri 80%. Kini umat Islam di Malaysia hanya sekadar 60%. Siapakah yang bertanggungjawab kalau bukan UMNO?

6 UMNO Membisu Apabila Islam Dihina

UMNO membisu apabila MCA selaku parti komponen Barisan Nasional yang bersekutu dengan UMNO tidak pernah henti-henti menyerang dan menghina syariat Islam. Antaranya ialah kenyataan Datuk Seri Dr Chua Soi Lek yang mendakwa jika hukum Islam dilaksanakan, ekonomi negara akan terjejas dan akan membawa kemunduran kepada negara. Ini disiarkan dalam akhbar The Star pada 29 Oktober 2011.

10 NATION The Star, SATURDAY 29 OCTOBER 2011

Hudud turns back the clock

Medical aid: Dr Chua checking on Ng Ooi Eng, 43, after presenting a MCA Medical Foundation cheque to her in Batu Pahat on Thursday.

Chua: It will scare away FDIs, tourists

JOHOR BARU: PAS' intention to carry out hudud law will cause the nation to backslide and scare away investors, said MCA president Datuk Seri Dr Chua Soi Lek.

The impact would be great on foreign direct investments and also tourists who would shy away, he said, adding that several countries practising hudud law were backward except for their rich natural resources.

Speaking to reporters after attending a function at the Hock Lin Gong Chinese temple here yesterday, Dr Chua stressed that even non-Muslims in the country would be affected, especially in terms of economy and education.

"It is misleading and a lie to say that the implementation of hudud will not affect non-Muslims," he said.

He criticised the DAP for its inconsistency as the party did not support hudud law but was willing to help PAS leaders win the election by asking the Chinese to support them.

At the event, Dr Chua promised an allocation of RM30,000 for the temple which was celebrating its 20th anniversary.

In **BATU PAHAT**, Dr Chua said the financial management of Pakatan Rakyat-controlled states was still lacking.

Referring to the Auditor-General's Report 2010, he noted that a Selangor state-run agency lost RM200mil while the Penang government had yet to build affordable homes for the rakyat.

The populist policy being practised by the Pakatan Rakyat had not solved anything, he added.

"They give RM100 to the elderly once a year and another RM100 for people to go shopping. This does not solve anything at all but merely a feel-good factor to the rakyat and is quite misleading," he said during a MCA Medical Foundation dinner on Thursday.

He also said that the people wanted to see changes and the Government had listened to their feedback.

"The only thing that has yet to be transformed is the Pakatan Rakyat," he said.

Under the transformation programmes introduced by the Prime Minister, he said the rakyat could see the changes.

"The economic, social and political landscape in Malaysia is being transformed. We have attracted many foreign direct investments for the country to achieve high-income status while creating a more democratic society," he said.

7 UMNO Menyokong Hari Kekasih

Dalam pada Utusan Malaysia menghentam pimpinan Pakatan Rakyat yang dikatakan kononnya menyokong Hari Kekasih (Valentine's Day), pemimpin UMNO pula mendokong Hari Kekasih secara terang-terangan. Lihat kenyataan Datuk Seri Nazri Aziz pada 14 Februari 2012, "*..Why can't it be celebrated? I disagree...it is not a form of prayer....*" (Kenapa ia tidak boleh dirayakan? Saya tidak setuju, ia bukannya satu bentuk ibadat...)

8 UMNO Menarik Bantuan Perkapita SAR

UMNO lah yang bertanggungjawab menarik balik bantuan perkapita kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) dengan menuduh bahawa SAR merupakan sarang pengganas.

9 UMNO Dan Syarikat Arak & Judi

UMNO membisu pada saat umat Islam terlibat sebagai ahli-ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat arak dan judi. Antaranya ialah Tun Mohammed Hanif bin Omar sebagai Timbalan Pengerusi Genting Malaysia Berhad.

10 Amalan Bertafakur di Tugu Kebangsaan

UMNO melanggar fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan yang memutuskan bahawa haram bertafakur di Tugu Kebangsaan kerana ia boleh membawa kepada syirik. Namun, pemimpin UMNO khususnya Presidennya, Datuk Seri Najib Tun Razak masih meneruskan amalan ini setiap kali menjelang Hari Pahlawan.

11 UMNO Dan Kongsi Raya

Pada Jun 2009, Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa amalan Kongsi Raya merupakan perbuatan yang boleh memesongkan akidah umat Islam dan membawa kepada kesyirikan. Namun ia disanggah oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim yang menyifatkan mereka yang menentang Kongsi Raya sebagai *berfikiran sempit*.

12 Penghinaan Terhadap Kalimah Allah SWT

Kerajaan Malaysia ditunjangi oleh UMNO tidak mengambil tindakan tegas terhadap akhbar MCA, *The Star* yang menyiarkan gambar penyanyi Amerika, Erykah Badu pada 27 Februari 2012 yang memperlihatkan tatoo bertulis kalimah Allah di kedua-dua bahunya.

13 Moral dan akhlak Islam jatuh di zaman UMNO

UMNO tidak serius di dalam melaksanakan kawalan terhadap perkara-perkara yang menjatuhkan moral dan akhlak. Tiga orang gadis Melayu di Negeri Sembilan yang terlibat dengan aksi menari tiang hanya didenda RM25 sahaja pada akhir bulan Mac lalu. Sangat berbeza dengan kesungguhan kerajaan Kelantan yang mendenda RM500 kepada wanita yang berpakaian tidak menutup aurat dengan sempurna di premis perniagaan di Kelantan.

14 UMNO raja hiburan dan *hedonisme*

UMNO langsung tidak merasa bersalah menghalalkan konsert-konsert artis Barat yang terkenal dengan budaya moral dan akhlak yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam dan Timur. Antaranya konsert Elton John, seorang artis gay yang diadakan di Genting Highlands pada 22 November 2011.

15 Hubungan dagang dengan Israel

Presiden UMNO yang juga Menteri Kewangan ketika menjawab soalan bertulis Dr Mohd Hatta Ramli (Ahli Parlimen Kuala Krai - PAS) menyebut bahawa larangan mutlak ke atas pengimportan barangan dari Israel telah dipindah ke Larangan Bersyarat. Justeru barangan yang diimport dari Israel kini dibenarkan tertakluk kepada Lesen Import. Hubungan dagang ini diakui oleh Datuk Seri Mustapa Mohamed selaku Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

16 Hubungan UMNO dengan komunis

UMNO juga menjalin hubungan dengan komunis apabila mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dengan Parti Komunis China pada 5 Ogos 2011. Perjanjian ini bertempat di Beijing dengan UMNO diwakili oleh Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor. Enam orang pemerhati Parti Komunis China juga turut hadir semasa Perhimpunan Agung UMNO 2011 yang lalu.

17 UMNO lanjutkan waktu pusat hiburan

Dalam pada UMNO mendakwa bahawa mereka memperjuangkan Islam, tiba-tiba negeri UMNO iaitu Melaka membuat keputusan untuk melanjutkan waktu operasi kelab malam dan pusat hiburan di negeri tersebut dari sekitar jam 1 pagi hingga ke 3 pagi. Lebih hebat lagi, keputusan itu pada bulan Julai 2011 iaitu beberapa hari sebelum menjelang Ramadhan. Inilah cara UMNO menyambut Ramadhan.

18 Hukum dipermainkan oleh rakan UMNO

UMNO juga membisu tatkala Presiden MCA, Datuk Seri Chua Soi Lek mempermainkan pendirian calon PAS di Dun Tenang, Johor iaitu Normala Sudirman yang enggan bersalam dengan lelaki bukan mahram. Kata Chua, itu membayangkan hati yang tidak ikhlas. Nampaknya UMNO gagal mengajar MCA tentang Islam walaupun sudah setengah abad bersama dalam satu kelambu.

JENAYAH UMNO DI NEGERI KELANTAN

19 UMNO Nafikan Hak Royalti Minyak

UMNO menafikan hak rakyat Kelantan untuk mendapatkan royalti minyak sebanyak 5% hanya kerana Kelantan ditadbir oleh PAS. Berbeza dengan negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak yang ditadbir oleh Barisan Nasional kesemuanya menerima royalti minyak tersebut.

20 UMNO Tubuhkan JPP

UMNO menubuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) apabila Kelantan diambil alih oleh Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pada tahun 1990. JPP ini bertindak sebagai kerajaan di dalam kerajaan yang menerima peruntukan daripada kerajaan pusat yang sepatutnya disalurkan melalui kerajaan negeri yang sah yang dipilih oleh rakyat.

21 Menafikan bantuan baja subsidi

Pengagihan baja subsidi semenjak tahun 1990 tidak dilaksanakan dengan adil di mana hanya memilih golongan tertentu yang sehaluan dengan fahaman UMNO sahaja. Akibat ketidak adilan ini, kerajaan negeri terpaksa menyediakan peruntukan setiap tahun untuk tujuan pengagihan baja subsidi. Untuk tahun 2012, peruntukan kerajaan negeri Kelantan ialah sebanyak RM2 juta.

22 Gas tidak didaratkan di pantai Kelantan

UMNO lebih rela gas yang berada di perairan Kelantan yang sepatutnya didaratkan di Pantai Senok, Bachok (jarak 146 km) didaratkan di Songkhla, Selatan Thailand (jarak 245km), biar pun melibatkan pembaziran kos begitu banyak. Adakah ini Ketuanan Melayu mengikut fahaman UMNO?

23 Menahan projek lebuhraya di Kelantan

Projek lebuhraya Kota Bharu - Kuala Krai di negeri Kelantan telah diluluskan semenjak Rancangan Malaysia Ke-6 (1986-1990) dan sekali lagi diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi sehingga ke hari ini masih belum dilaksanakan. Ini menyebabkan kerajaan Kelantan terpaksa melaksanakan sendiri projek ini.

24 UMNO membisu apabila MCA saman Kelantan

UMNO nyata sekali menjadi alat MCA apabila hanya membisu dengan tindakan MCA menyaman kerajaan Kelantan dalam isu judi. Saman ini difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 20 Julai 2011. Kenapa UMNO yang berdegar-degar mendakwa mempertahankan Islam boleh meredhai tindakan sekutu mereka dalam Barisan Nasional ini?

25 Menghalang projek pelabuhan di Kelantan

Pada tahun 1991, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat telah berjumpa dengan Tun Dr Mahathir yang pada masa itu merupakan Perdana Menteri memohon untuk diadakan projek pelabuhan di Kelantan. Mahathir menolak dengan alasan bahawa pantai Kelantan cetek. Hari ini, akibat desakan tertentu, kerajaan pusat boleh pula membina pelabuhan di Tok Bali, Pasir Puteh.

26 Menyekat sebanyak 118 projek ke Kelantan

Sejumlah 118 projek pembangunan telah dibekukan kerajaan pusat di negeri Kelantan. Jumlah itu meliputi 1,086.278 hektar atau melebihi 2500 ekar tanah dari sepuluh jajahan di negeri ini. Pendedahan itu dibuat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Datuk Mohd Aiseri Alias pada sidang media selepas menghadiri perasmian Forum Model Baru Ekonomi Kelantan di Dewan Teratai Kota Darulnaim pada 21 September 2010.

27 Mewujudkan jurang antara agensi Pusat - Negeri

UMNO mewujudkan jurang antara agensi kerajaan pusat dan kerajaan negeri dengan pelbagai dasar yang bersifat diskriminasi. Melarang sekolah di bawah kerajaan pusat daripada menyertai sebarang kejohanan dan pertandingan anjuran kerajaan negeri. Perkembangan terbaru antaranya tidak membenarkan sekolah-sekolah menengah menyertai pesta wau antarabangsa anjuran Bahagian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh Datuk Takiyuddin Hasaan yang diadakan di Pantai Irama Bachok pada pertengahan Julai 2010.

28 Melengahkan penyaluran geran kewangan tahunan

Geran ini merupakan pemberian wajib yang diberikan sebanyak dua kali setahun. Namun kerajaan negeri Kelantan sering dilewatkan pemberian geran ini dan hanya dibayar sekaligus di penghujung tahun.

29 Mempolitikkan bantuan pelajar miskin

Kementerian Pendidikan melalui sekolah-sekolahnya dipaksa oleh kepimpinan Umno supaya melaksanakan agihan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) kepada pelajar yang terpilih mengikut senarai Umno. Di samping itu, borang permohonannya pula hendaklah disahkan oleh PPM terlebih dahulu. Tanpa pengesahan PPM, permohonan tidak akan dilayan.

30 Menabalkan 'Sultan' sendiri

Inilah jenayah UMNO Kelantan yang akan termaktub selama-lamanya di dalam lembaran sejarah Kelantan. Umno Kelantan pernah menjemput pemimpin-pemimpinnya pada satu hari dalam tahun 1993 di atas satu pentas di Padang Sekolah Ketereh di Kota Bharu. Lalu dijemput seorang kerabat kononnya dari Kuala Lumpur naik ke pentas dan mengangkat tangan dan dilaungkan 'Daulat Tuanku..!!"

31 Pemimpin UMNO Sekat Projek

Pada 24 November 2007, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Datuk Seri Mustapha Mohamed dengan jelas mengakui bahawa beliaulah orangnya yang bertindak menyekat projek pembangunan daripada kerajaan Pusat untuk dilaksanakan di Kelantan. Pengakuan ini dibuat di dalam DUN Kelantan.

32 Mendakwa Kelantan Sebagai Negeri Miskin

Presiden UMNO telah menuduh Kelantan sebagai negeri yang termiskin semasa berucap di Lahad Datu, Sabah pada 18 Februari 2012. Padahal jika dirujuk kepada Jadual 6 Insiden Kemiskinan Mengikut Etnik, Strata dan Negeri, Malaysia, 1970-2009 di dalam portal rasmi Unit Perancang Ekonomi JPM, indeks kemiskinan Kelantan lebih rendah berbanding Perlis, Kedah, Sarawak dan Sabah.

33 Mendakwa minyak bukan hak Kelantan

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Datuk Seri Mustapha Mohamed ketika berkempen di dalam pilihanraya kecil DUN Manek Urai pada tahun 2009 bermati-matian menyatakan bahawa Kelantan tidak berhak ke atas royalti minyak kerana minyak berada di luar pesisiran pantai Kelantan. Namun apabila dibuktikan sebaliknya, beliau pula beria-ria untuk mengagihkan wang ehsan.

34 Mencadangkan lesen judi bola sepak

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Senator Datuk Dr Awang Adek Hussin yang juga Timbalan Menteri Kewangan pernah mencadangkan agar kerajaan mengeluarkan lesen untuk membenarkan perjudian dilakukan semasa kejohanan bola sepak Piala Dunia 2010. Kenyataannya ini memalukan seluruh rakyat negeri Kelantan.

35 Menafikan peruntukan membina rumah awam

Semenjak tahun 1990, Kelantan tidak mendapat satu senpun peruntukan untuk projek Rumah Awam Kos Rendah (RAKR). Ini disahkan oleh Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, Kelantan terpaksa berusaha dengan kudrat sendiri membina rumah-rumah awam kos rendah untuk rakyatnya. Sebanyak RM4 juta diperuntukkan untuk tujuan ini pada tahun 2012.

36 UMNO politikkan bola sepak

UMNO dilihat cuba mengambil kesempatan ke atas peminat bola sepak apabila mempolitikkan sukan bola sepak khususnya setelah pasukan The Red Warriors menunjukkan kecemerlangan. In terbukti apabila Piala Malaysia telah diarak oleh UMNO ke Galas dalam kempen pilihanraya kecil pada tahun 2010.

FITNAH UMNO TERHADAP KELANTAN

37 Kelantan gunakan Hudud untuk umpan pilihanraya

UMNO seringkali menuduh bahawa kerajaan negeri Kelantan akan menimbulkan isu hudud menjelang pilihanraya untuk dijadikan bahan kempen. Hakikatnya, hari hudud di Kelantan disambut setiap tahun. Hudud tidak dapat dilaksanakan kerana ia bertentangan dengan Akta Mahkamah Syariah 1965 di peringkat persekutuan.

38 Rakyat Kelantan hidup melarat

Rakyat Kelantan dikatakan hidup melarat. Padahal KDNK Kelantan menunjukkan prestasi membanggakan sehingga pernah mengatasi kadar nasional. Pada 2007 KDNK nasional 6.2 peratus, manakala Kelantan 7.5 peratus dan 2008 kerajaan pusat 4.1 peratus, manakala Kelantan 5.1 peratus.

39 Kelantan gagal uruskan isu Bazar Tok Guru

Peniaga-peniaga yang berpindah daripada Pasal Lama MPKB ke Bazar Tok Guru sekarang sedang menjalankan perniagaan dengan selesa di Bazar Tok Guru. Urusan perpindahan dilaksanakan dengan sempurna. Peniaga hanya mula membayar mulai tahun tahun kedua dan dibenar meniaga percuma selama setahun. Selepas 18 tahun, lot-lot kedai ini menjadi milik mereka.

40 Kelantan tidak ada tarikan pelancong

Hakikatnya, pelancong semakin ramai membanjiri negeri Kelantan setiap tahun. Pada tahun 2008, Kelantan mencatat bilangan pelancong seramai 4.8 juta orang. Pada tahun 2009 seramai 4.94 juta orang dan pada tahun 2010 seramai 5.39 juta orang. Bahkan Kelantan lebih banyak menerima pelancong berbanding sesetengah negeri yang diperintah UMNO seperti Terengganu dan Negeri Sembilan.

41 Air di Kelantan paling kotor

UMNO melalui akhbar Utusan Malaysia khususnya seringkali menuduh bahawa air terawat di Kelantan merupakan yang paling kotor di seluruh negara. Padahal surat yang dihantar oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kepada Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB) pada 30 Oktober 2011 mengesahkan bahawa kadar bakteria e-coli di dalam air terawat di Kelantan hanyalah 0.88%. Ia lebih rendah berbanding Pahang (1.12%), Perak (0.90%), Perlis (1.21%) dan Wilayah Persekutuan Labuan (1.01%).

42 Pemimpin PAS hidup kaya raya

UMNO gagal untuk menunjukkan data dan fakta yang sah bahawa pemimpin PAS hidup kaya raya dengan hasil rasuah dan penyelewengan. Hakikatnya, sepanjang 22 tahun PAS mentadbir Kelantan, tidak ada satu pun kes rasuah melibatkan pemimpin PAS di negeri ini.

43 Kelantan menindas golongan wanita

Kelantan menghargai wanita dan meletakkan wanita di tempatnya. Justeru, papan-papan tanda yang memaparkan wajah wanita hanya dibenarkan jika menutup aurat. Di Kelantan, salah seorang exco kerajaan negeri ialah wanita dan salah seorang senatornya juga wanita. Bahkan ditubuhkan satu urusetia khusus untuk wanita iaitu Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan.

44 Kelantan tidak bina masjid

Kelantan lebih mementingkan aktiviti menghidupkan masjid. Kelantan juga telah membina banyak masjid antaranya yang terbaru ialah Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra Rantau Panjang, Masjid Keputeraan Sultan Ismail Petra Pulai Chondong dan Masjid Keputeraan Paloh 2, Gua Musang. Di dalam bajet 2012, sebanyak RM3 juta diperuntukkan untuk pembinaan dan pembaikian masjid-masjid di seluruh negeri.

45 Rakyat Kelantan ramai berhijrah keluar

Di dalam buku Pelan Induk ECER yang dikeluarkan pada tahun 2007 memuatkan statistik tahun 2003 di mana jumlah rakyat Kelantan yang keluar dari negeri Kelantan ialah seramai 21,950. Ia lebih sedikit berbanding Pahang dengan jumlah 23,410. Manakala anak luar Kelantan yang berhijrah masuk ke Kelantan ialah seramai 24,460. Ia lebih ramai berbanding Pahang 23,460 orang. Jika Kelantan tidak ada peluang kerja, kenapa begitu ramai memasuki Kelantan?

46 Kelantan menindas golongan non muslim

Di Kelantan, golongan non muslim hidup dengan aman dan selesa mengamalkan ajaran agama mereka tanpa sebarang permusuhan dengan orang-orang Melayu / Islam. Inilah model pemerintahan yang harmoni yang dibawa oleh PAS berbanding UMNO yang lebih gemar bermain dengan semangat rasis.

47 Kelantan gadai Tanah Rizab Melayu

Fitnah ini dimuatkan di muka hadapan akhbar Utusan Malaysia pada hari Isnin, 19 Mac 2012. Sayangnya, sekerat buktipun tidak disertakan di dalam dakwaan tersebut. Hakikatnya tidak ada sejengkalpun tanah rizab Melayu yang digadaikan kepada bukan Melayu di Kelantan. Ia hanya dipajak dengan pembahagian keuntungan di antara pelabur dan anak syarikat kerajaan negeri, manakala status Tanah Rizab Melayu masih kekal.

48 Ladang Rakyat merampas tanah rakyat

UMNO sebenarnya mencemburui kejayaan Ladang Rakyat, lalu direka fitnah ini. Hakikatnya Ladang Rakyat hanyalah membangunkan tanah kerajaan yang tidak diusahakan dan membahagikan dividen kepada peserta yang terpilih. Tidak ada tanah rakyat yang dirampas. Pada 6 Mac 2012, sekumpulan Orang Asli dari Pos Belatim telah memohon maaf kepada YAB Tuan Guru MB kerana telah menyaman Ladang Rakyat dan kerajaan pada tahun 2010.

JENAYAH UMNO TERHADAP ORANG MELAYU

49 Mengubah sempadan pilihanraya

UMNO mengubah persempadanan pilihanraya pada tahun 2003 selepas tewas dalam banyak kerusi majoriti Melayu dalam pilihanraya 1999. Kelantan, Terengganu dan Kedah masing-masing mempunyai pertambahan pemilih 16.2 peratus, 21.76 peratus dan 17.4 peratus tetapi tidak ada pertambahan kerusi. Manakala negeri-negeri di pantai barat, selatan, Sabah dan Sarawak yang bukan majoriti Melayu ditambah kerusi Parlimen pada persempadanan tersebut.

50 Nama UMNO sendiri dalam bahasa asing

Tidak padan dengan parti pembela bangsa, UMNO masih mengekalkan namanya sendiri dalam bahasa asing bukan bahasa Melayu ; United Malay National Organisation (UMNO).

51 UMNO hilangkan saham bumiputera

Dalam artikel yang disiarkan oleh Bernama yang bertarikh 30 Jun 2009 memetik kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengakui terdapat perbezaan ketara antara RM54 billion saham bumiputera yang diperuntukan berbanding dengan jumlah sebenarnya yang masih dimiliki mereka. Sebenarnya, hanya tinggal RM2 billion sahaja sekarang. Siapa harus bertanggungjawab kalau bukan UMNO?

52 Memperkenalkan PTPTN yang membebankan

UMNO memperkenalkan 'along berlesen' iaitu PTPTN. Sepatutnya anak-anak Melayu yang mendapat biasiswa (pendidikan percuma) dibebankan dengan pinjaman PTPTN yang mengenakan caj-caj sampingan. Mahasiswa yang baru bergraduasi akan terus diburu PTPTN sekalipun belum mendapat pekerjaan.

53 UMNO hina Raja-raja Melayu

Siapa yang mengangkat sepanduk menggelar Sultan Terengganu sebagai 'menatang' apabila tidak bersetuju dengan calon Menteri Besar yang direstui oleh Istana Terengganu selepas pilihanraya umum 2008? Bukankah itu anasir dalaman UMNO? Kenapa hingga sekarang tidak dikenakan tindakan?

54 UMNO bercadang hapus kuota Bumiputera

Ketika menjawab satu soalan di program Khazanah Megatrends Forum 2011 pada 28 September 2011, Presiden UMNO menyatakan bahawa kerajaan sedang berusaha untuk menghindari kuota (bumiputera) dan sedang menggalakkan meritokrasi. Jika ucapan ini keluar melalui mulut pembangkang, maka akan diratib berpuluh hari bahawa pembangkang mahu hapuskan kuota bumiputera.

55 UMNO jual saham BERNAS

UMNO menjual saham BERNAS (Syarikat Beras Negara) kepada syarikat Wan Tak Co. Ltd yang berpengkalan di Hong Kong sebanyak 31.36%. Majoriti yang mengusahakan sawah ialah orang Melayu. Apakah jaminan petani-petani ini tidak dizalimi? Amat merbahaya apabila syarikat asing menguasai lesen beras negara. Tapi itulah UMNO, asal kantung mereka penuh, semua perkara boleh dilanggar.

56 UMNO gadai Kampung Baru di Kuala Lumpur

UMNO yang mencadangkan pelan pembangunan Kg Baru Kuala Lumpur hingga membuka milikan kepada 40% bukan Melayu. Tanah Kg. Baru lebih tinggi nilainya dari Rizab Melayu kerana ianya kurniaan sultan di bawah Malay Agriculture Settlement (MAS). Namun, tanah berharga milik orang Melayu ini tergadai kerana kerakusan pemimpin UMNO.

57 Taraf hidup orang Melayu gagal ditingkat

Umno menjadikan taraf hidup orang Melayu semakin menurun, malahan lebih teruk daripada kaum India. Dalam parlimen pada tahun 2007 , disebutkan bahawa lebih 600,000 rakyat di negara ini hidup di bawah paras kemiskinan iaitu berpendapatan kurang dari RM800. Statistik kaji selidik pendapatan isi rumah yang dilakukan menunjukkan hampir 90 peratus daripada mereka yang berada di bawah paras kemiskinan adalah orang Melayu.

58 UMNO gagal capai matlamat DEB

Dasar Ekonomi Baru (DEB) ini telah tamat pada tahun 1990 setelah ia diperkenalkan pada tahun 1971. Namun objektif DEB untuk membolehkan ekuti Bumiputera sebanyak 30% gagal, ia hanya mencapai 18% sahaja ketika dasar ini tamat. Ia berlaku kerana dasar ekonomi pilih kasih dan kroni yang diamalkan oleh UMNO.

59 Melayu di Pulau Pinang gagal dimartabatkan

Sepanjang setengah dekad UMNO memerintah Pulau Pinang, mereka gagal memartabatkan Melayu di sana. UMNO tidak menyediakan pembangunan yang seimbang dengan rakyat sebaliknya terlalu mengutamakan projek tertaraf mewah. Akhirnya orang Melayu terus terpinggir di Pulau Pinang. Benarlah kata-kata Tun Dr Mahathir sendiri bahawa Melayu di Pulau Pinang bagaikan hidup pada zaman Perang Duni Kedua!

60 Raja Gula, Robert Kuok dilahirkan oleh UMNO

Siapa tak kenal Robert Kuok? Dalam kajian tahunan majalah Malaysian Business (16 Februari 2010), nilai kekayaan beliau adalah RM43 bilion. Beliau kaya kerana lesen monopoli untuk import, proses dan edar gula di Malaysia. Dalam pada Raja Gula semakin kaya, rakyat ditekan dengan kenaikan harga gula. Inilah Ketuanan Melayu!

61 Menggadaikan nasib peneroka FELDA

Cadangan UMNO untuk menyenaraikan Felda Global Ventures [FGV] di Bursa Malaysia sebenarnya memperjudikan hak milik peneroka yang rata-ratanya orang Melayu. Saham - saham Felda akan dibuka kepada umum. Sesiapa sahaja boleh membeli saham tersebut termasuk syarikat asing, seterusnya boleh menguasai Felda. Lihatlah apa yang berlaku kepada Felda Oil Product yang kini saham milik Felda hanya tinggal 35 % sahaja dan pihak asing telah pun dilantik menjadi CEOnya.

62 Kuota bukan Melayu di MRSM naik ke 30%

Dalam pada pemuda-pemuda UMNO terpekik terlolong kerana cadangan Menteri Besar Selangor agar kuota bukan Bumiputera di UiTM dinaikkan, tiba-tiba kerajaan Malaysia pada tahun 2008 telah menaikkan kuota bukan Melayu di MRSM dari 10% ke 30%. Mana pemuda-pemuda UMNO pembela Melayu?

63 UMNO perkenalkan dasar gagal 'PPSMI'

Siapa yang bersungguh memperkenalkan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) pada tahun 2003 yang ditentang hebat oleh seluruh cendikiawan Melayu. Akhirnya dasar ini terbukti gagal dan ditarik balik sekarang. Negara kerugian hampir RM5 billion kerana langkah 'tidak cerdik' UMNO ini.

64 UMNO hakis tanah Rezab Melayu

Fakta jelas menunjukkan bahawa pada tahun 1957 ketika negara mencapai kemerdekaan, tanah rizab Melayu di seluruh negara berjumlah 3.0 juta hektar. Pada tahun 1995, tanah rizab Melayu hanya tinggal 1.7 juta hektar. Ke mana hilangnya 1.3 juta hektar tanah rizab Melayu? Apakah masih ada tanah rizab melayu jika UMNO masih menjadi pemerintah untuk 50 tahun lagi?

65 KM Pulau Pinang Jadi Hak Milik GERAKAN

Sewaktu UMNO menjadi majoriti di DUN Pulau Pinang, dengan rela hatinya UMNO menyerahkan kerusi Ketua Menteri Pulau Pinang kepada parti Gerakan. Jika UMNO pejuang Melayu kenapa melakukan perbuatan khianat seperti ini? Ia berlainan dengan DAP yang menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang kerana mempunyai majotiri di dalam DUN.

66 Mewujudkan Wilayah Pembangunan Iskandar

UMNO lah yang mewujudkan Wilayah Pembangunan Iskandar yang memberikan hak kepada warga Singapura memasuki WPI ini tanpa pemeriksaan imigresen sebagaimana sepatutnya. Bahkan jawatankuasa bersama Malaysia - Singapura telah diwujudkan sebelum projek ini bermula lagi menunjukkan bagaimana penguasaaan Singapura ke atas WPI.

UMNO Sinonim Dengan Skandal Rasuah dan Penyelewengan

67 Skandal RM250 juta isu Shahrizat - NFC

Skandal ini didedahkan sendiri oleh Ketua Audit Negara yang melaporkan bahawa Pusat Fidlot Nasional (PFN) gagal mencapai sasaran pengeluaran 276,000 ekor lembu setahun. Hakikatnya, pinjaman sebanyak RM250 juta oleh kerajaan untuk National Feedlot Corporation (NFC) itu hanyalah samaran untuk keluarga Shahrizat bermewah-mewah membeli aset seperti kondominium, tanah dan rumah kedai.

68 Bekas Menteri Besar UMNO Terlibat Rasuah

Bekas Menteri Besar Selangor, Dr. Mohamad Khir Toyo telah didapati bersalah pada 23 Disember 2011 mendapatkan untuk dirinya dan isteri hartanah bernilai RM6.5 juta dengan harga RM3.5 juta di Seksyen 7 pada tahun 2007. Khir dihukum 12 bulan penjara.

69 Pemimpin UMNO terima suapan peniaga

Pada 4 Mac 2011, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lenggeng, Mustafa Salim dari UMNO didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen Seremban atas tuduhan menerima suapan daripada seorang kontraktor berkaitan surat sokongan permit menjual pasir. Atas kesalahan itu, dia dihukum penjara 3 tahun dan denda RM20,000.

70 UMNO mengamalkan politik wang

UMNO merupakan sebuah parti yang mengamalkan politik wang. Ini terbukti setiap kali pemilihan UMNO pasti akan berlaku politik wang dan akan ada pemimpinnya yang dikenakan tindakan. Antaranya yang terbaru ialah Ketua Menteri Melaka, Ali Rustam dan Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin sendiri. Apa bezanya politik wang dengan rasuah? Jika UMNO mengamalkan politik wang, hakikatnya mereka bergelumang dengan rasuah.

71 UMNO tabur duit untuk beli undi

Bukan jadi satu rahsia bahawa UMNO hanya bergantung kepada duit untuk membeli undi bagi mendapatkan kemenagan dalam pilihanraya. Ini disahkan sendiri oleh Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir, bekas Menteri UMNO sendiri yang menyatakan bahawa beliau sendiri yang mengagihkan RM200 hingga RM1,000 dalam kempen pilihan raya Barisan Nasional (BN) untuk mendapat undi. Sehingga kini beliau belum didakwa atas tuduhan fitnah dan ini membuktikan kebenaran dakwaannya.

72 ADUN UMNO Terengganu didakwa terima suapan

ADUN Kemasek, Terengganu dari UMNO, Rosli Othman telah ditahan oleh SPRM pada 2 Ogos 2009 kerana didakwa menerima sogokan lebih RM20,000 bagi membolehkan sebuah syarikat mendapat projek lanskap.

73 Ketua Pemuda UMNO Bahagian terpalit rasuah

Dari atas sampai ke bawah, UMNO sememangnya terpalit dengan rasuah. Bahkan di peringkat bahagian pun tidak terlepas. Pada 26 Mei 2009, Ketua Umno Bahagian Pandan Abdul Ghani Ismail didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas sembilan pertuduhan menerima rasuah lebih RM210,000 daripada seorang pengarah syarikat pelupusan sisa pepejal pada 2007.

74 Skandal komisen pembelian kapal selam RM500 juta

Transaksi pembelian kapal selam Scorpene buatan Perancis oleh Malaysia dicemari dengan penyelewengan melibatkan komisyen hampir RM500 juta kepada syarikat Perimekar Sdn Bhd yang mempunyai kaitan dengan Abdul Razak Baginda. Sehingga ke hari ini, ia masih menjadi misteri ditambah dengan pembunuhan seorang gadis Monggolia Altantuya yang dikatakan dibunuh tanpa motif.

75 Indeks rasuah Malaysia terus merudum

Mengikut Laporan badan antarabangsa Transparency International (TI), di bawah pentadbiran Najib, indeks rasuah negara, terjerumus ke tahap yang paling rendah. Kedudukan Malaysia telah jatuh kepada tangga ke-60 daripada 183 negara, berbanding tangga ke-56 daripada 178 negara pada tahun lepas. Pada 2003 semasa Abdullah Badawi mengambil alih pucuk pimpinan negara sebagai Perdana Menteri kelima, negara berada di tangga ke-37.

76 UMNO kuat mengumpul hutang

Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan UMNO kuat mengumpul hutang. Jika pada tahun 2004, hutang negara berada pada paras RM217 bilion, walau bagaimanapun, sehingga tempoh Jun 2011 sahaja, hutang negara Malaysia telah meningkat 2 kali ganda sehingga menyebabkan hutang kerajaan persekutuan mencecah RM437.2 bilion dan kini ia mencapai 53 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

77 Proton kerugian RM3.4 billion

Dakwaan Tun Dr Mahathir sendiri yang mengesahkan bahawa Proton telah kerugian sebanyak RM3.4 billion berikutan penjualan MV Augusta kepada sebuah syarikat yang tidak dikenali bernama Gevi SpA pada tahun 2006 dengan harga 1 Euro. Ini dilaporkan oleh New Straits Times pada 7 Februari 2012. Jumlah tersebut boleh menampung yuran pengajian empat tahun 136,000 orang pelajar di IPT dengan kadar RM25 ribu seorang.

78 Kerugian Tabung Haji sebanyak RM200 juta

Termasuk dalam senarai kerugian ialah pelaburan Tabung Haji sebanyak RM200 juta menerusi pelaburannya dalam syarikat pengurus dana Metrowangsa Asset Management Sdn. Bhd seperti yang disahkan oleh bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman di dalam akhbar Utusan Malaysia 1 April 2002.

79 UMNO memelihara kroni IPP

UMNO sanggup memberikan subsidi sebanyak RM15.1 billion kepada syarikat konsesi penjana kuasa bebas (IPP). Subsidi ini ialah bagi barangan berasaskan petroleum yang dibekalkan oleh kerajaan pusat bagi membekalkan tenaga eletrik untuk dijual. Hairannya kerajaan boleh membekalkan begitu banyak subsidi kepada IPP sedangkan dalam masa yang sama menaikkan tarif eletrik.

80 Kroni UMNO dilupuskan hutang RM589 juta

Tan Sri Tajudin Ramli tidak perlu membayar RM589 juta wang yang dihutangnya daripada Pengurusuan Danaharta Nasional Bhd kerana ia sebahagian daripada penyelesaian luar mahkamah yang dicapai dengan beberapa syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) pada Februari 2012 lalu. Penyelesaian ini menyebabkan negara serta merta kerugian RM589 juta!

81 POS Malaysia rugi RM546 juta

Khazanah Nasional telah mempengaruhi Pos Malaysia untuk melambatkan penjualan sahamnya dalam syarikat pengendali kargo yang bermasalah, Transmile Group Bhd dan ini telah menyebabkan negara rugi bila mana sahamnya jatuh kepada harga 35 sen seunit dengan nilai keseluruhan hanya RM14 juta pada 26 Februari 2010. Sebelum itu, Pos Malaysia boleh menjual saham itu pada harga tinggi iaitu RM14 dengan nilai keseluruhan adalah RM546 juta, namun percaturan yang dibuat jelas merugikan rakyat

82 Kerugian Sime Darby sebanyak RM1.6 billion

Sebuah syarikat milik kerajaan, Sime Darby Berhad telah menanggung kerugian sebanyak RM1.6 billion akibat urusniaga yang bercampur kepentingan politik pada tahun 2010. Jumlah yang tidak kecil ini akhirnya akan ditanggung akibatnya oleh rakyat. Inilah kehebatan UMNO mengurus harta rakyat!

83 Baiki stadium RM292 juta

Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin di Terengganu dibina dengan kos RM292 juta tetapi sayangnya telah runtuh walaupun tidak sampai setahun digunakan setelah siap pada tahun 2008. Tidakkah ini menunjukkan berlakunya unsur rasuah di dalam pembinaan stadium tersebut? Sampai ke hari ini, ia masih terbiar dan segala peralatannya yang bernilai RM50 juta telah dicuri. Inilah UMNO.

84 RM237 juta 'hangus' untuk jambatan bengkok

Akibat tiada perancangan yang teliti, projek jambatan bengkok bagi menggantikan Tambak Johor terpaksa dibatalkan dan kerajaan Kerajaan meluluskan pembayaran pampasan RM237 termasuk tuntutan bayaran kerja yang dilaksanakan di tapak berjumlah RM55 juta.

85 Belanja pertunangan anak PM RM400 ribu

Dalam menyeru rakyat supaya hidup sederhana, Perdana Menteri rupanya mengamalkan sebaliknya. Sebanyak RM409,767 telah digunakan untuk menanggung kos majlis pertunangan anak perempuannya, yang diadakan di Seri Perdana tahun lalu (2011). Majlis tersebut dibiayai oleh rakyat Malaysia apabila keseluruhan urusan tempahan dan pembayaran dibuat oleh Pejabat PM.

86 Perbelanjaan melampau untuk keluar negara

Setakat bulan Oktober 2011 sahaja, kos lawatan Perdana Menteri keluar negara sudah mencecah RM10.1 juta termasuk lawatan dua hari ke Kazakhstan yang menelan kos melebihi RM1 juta. Berdasarkan jawapan di Dewan Rakyat bahawa Pada Jun lalu, Dewan Rakyat Najib dan Rosmah telah membelanjakan RM 1,739,332.85 (2008), RM 4,811,837.48 (2009) RM 5,140,307.99 (2010) untuk keluar negara.

87 Majlis hari jadi PM menelan kos RM80 ribu

Sebanyak RM79,053 telah digunakan untuk menyambut hari jadi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang diadakan pada 24 Julai 2011 yang lepas di mana jamuan tersebut hanya untuk 100 orang sahaja. Ia berdasarkan Banquet Event Order oleh Hotel Shangri-La yang secara jelas menunjukkan ianya ditempah atas nama akaun Pejabat Perdana Menteri.

88 Pengurusan rumah rasmi PM mencecah puluhan juta

Pada bulan Jun 2011, parlimen telah diberitahu bahawa sebanyak RM48,789,115.03 (RM49 juta) setahun telah dibelanjakan untuk membiayai kos kediaman rasmi Perdana Menteri dan timbalannya. Secara terperinci, kos sewa berjumlah RM32,972,115.55, kos baik pulih RM3,581,744.78, bil elektrik RM10,267,868.15 dan bil air RM1,967,386.55 untuk satu tahun. Inikah *wasatiyyah* UMNO?

89 Kerugian RM0.71 billion syarikat kerajaan

Laporan Ketua Audit Negara 2010 mengesahkan bahawa 19 daripada 47 syarikat-syarikat (40%) yang dikawal oleh Kementerian Kewangan mengalami kerugian pada tahun 2009 hampir mencecah RM0.71 bilion (RM710,000,000).

90 Terlebih belanja sebanyak RM3.73 billion tahun 2010

Sepanjang tahun 2010 menurut Laporan Ketua Audit Negara, 9 Kementerian & jabatan telah lebih belanja peruntukkan operasi dengan jumlah RM3.73 billion. Antara Kementerian tersebut adalah Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Jumlah RM3.73 billion ini bukan satu jumlah yang sedikit!

91 RM1.5 juta hanya untuk membeli lukisan

MAS selaku sebuah syarikat pengangkutan milik kerajaan telah menanunggu kerugian saban tahun akibat urustadbir yang lemah. Namun, dalam kerugian itu, MAS masih mampu berbelanja sebanyak RM1.5 juta untuk membeli tiga buah lukisan daripada artis Columbia. RM1.5 juta bersamaan dengan peruntukan kerajaan Kelantan semasa mula-mula mengasaskan skim pembahagian beras al-It'am untuk 4500 orang miskin seluruh Kelantan.

92 Kos baiki parlimen RM520 juta secara runding terus

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datu Seri Nazri Aziz sendiri mengakui di Parlimen bahawa beliau tidak pernah dirujuk dalam isu pemberian kontrak pembaik pulih parlimen. Ia diberikan secara runding terus dan buka tender terbuka. Ertinya ia mendedahkan kepada rasuah dan juga penyelewengan.

93 Majlis Amanah Rakyat (MARA) Tidak Amanah

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2010, Mara telah tidak membelanjakan peruntukan sebanyak RM54 juta dengan cara yang betul. Ada barangan yang dibeli melebihi harga pasaran. Antaranya ketuhar berharga RM1,200 berbanding harga pasaran RM419. Katil Boleh Lipat berharga RM500 berbanding harga pasaran RM100. Dapur gas dua pembakar pada harga RM200 setiap satu, dan bukannya RM59.90. Mesin gunting rambut yang dibekalkan pada harga RM250 setiap satu, dan bukannya RM79 harga pasangan dan pengisar pada RM140 dan bukannya sebanyak RM60

94 RM4.5 juta untuk Sidang Kemuncak Wanita Pertama

Kerajaan telah membelanjakan RM4.5 juta untuk menganjurkan Sidang Kemuncak Wanita Pertama yang tidak pernah diadakan dan tidak mempunyai apa-apa signifikan. Hanya 15 orang wanita isteri Ketua-ketua Negara yang majoritinya daripada negara-negara Afrika.

95 Ahli Parlimen UMNO Dipenjara 18 bulan

Di Selangor, bukan hanya bekas Menteri Besar yang dihukum rasuah, bahkan Ahli parlimen Sabak Bernam, Datuk Abdul Rahman Bakri dan pembantunya Rosli Busro pada 1 Mac lalu telah dijatuhkan hukuman enam tahun penjara dan denda RM400,000 seorang kerana membuat lapan tuntutan palsu. Dia yang merupakan wakil rakyat Umno telah membuat tuntutan palsu dengan nilai RM10,000 setiap satu yang berjumlah RM80,000 daripada peruntukan kawasannya berhubung majlis yang tidak pernah dijalankan.

96 Skandal Bekas Setiausaha Politik Menteri UMNO

Seluruh Malaysia juga tahu bagaimana bekas setiausaha politik Bekas Setiausaha Politik Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Hasbie Satar telah didakwa di mahkamah bulan Mac lepas atas tuduhan terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram sebanyak RM935,000 dan RM2.13 juta.

97 Penyelewengan Majlis Sukan Negara (MSN)

Laporan Ketua Audit Negara 2010 juga telah menegur Majlis Sukan Negara (MSN) kerana membeli 23 ekor kuda berjumlah RM5.66 juta dan dibuat melalui rundingan terus tanpa kelulusan Kementerian Kewangan. Pembelian runding terus ini menyalahi prosedur yang sepatutnya.

98 RM111 juta untuk PERMATA tajaan Rosmah

Dalam bajet 2011, kerajaan telah memperuntukkan RM111 juta untuk program PERMATA di bawah kelolaan Rosmah Mansor sedangkan hanya RM20 juta untuk program pengajian Doktor Falsafah di universiti-universiti. Untuk apa RM111 juta ini jika tidak untuk memuaskan kehendak isteri Perdana Menteri? Setelah dikritik hebat, dalam bajet 2012, peruntukan untuk PERMATA telah tidak disebut.

99 Skandal PKFZ berjumlah 12 billion

Pada 9 Mac 2012 yang lepas, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memerintahkan bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr. Ling Liong Sik membela diri atas 3 pertuduhan menipu kerajaan Malaysia (yang dipimpin oleh UMNO) dalam skandal Port Kelang Free Zone (PKFZ). Sejumlah RM12 billion telah ditipu dan mangsanya ialah kerajaan dan rakyat. Jumlah ini boleh menampung perbelanjaan kerajaan Kelantan lebih 20 tahun (RM500 juta setahun)!

100 Dana dimasukkan ke dalam akaun peribadi pemimpin

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Awang Adek Husin mengaku telah menerima sumbangan sebanyak RM100,000.00 ke dalam akaun peribadinya. Walaupun dia mendakwa wang tersebut untuk kegunaan UMNO Bachok, namun selaku Timbalan Menteri Kewangan, menerima dana ke akaun peribadi tetap merupakan satu salah laku apatah lagi jika wang diterima daripada kontraktor.